

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
(KUANTAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.03.2018**

**Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [ KUANTAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesemua agensi/perbadanan kerajaan (contoh: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang mempunyai saham dalam Uber, serta pegangan saham masing-masing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) telah melabur sebanyak RM124 juta dalam Uber Technologies Inc. sebagai langkah untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan syarikat dengan pelaburan dalam sektor baru iaitu sektor aset teknologi yang

sedang berkembang pesat.

Manakala pegangan saham oleh syarikat GLC adalah secara tidak langsung iaitu oleh Khazanah Nasional Berhad yang mempunyai pelaburan dalam dana teknologi global dan menerusi dana tersebut Khazanah memiliki pendedahan pelaburan tidak langsung dalam Uber berjumlah kurang daripada RM10 juta.